

# Pastikan kelancaran RMK-9

UM-22/7/2006

**KUALA LUMPUR** 21 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua kerajaan negeri memberi kerjasama penuh untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di negeri masing-masing.

Perdana Menteri mengingatkan setiap negeri perlu memberi penekanan kepada tiga elemen iaitu;

- Mempermudahkan urusan pengambilan tanah supaya semua projek dapat dilaksanakan dengan cepat dan sempurna tanpa berdepan kerenah birokrasi.

- Memastikan setiap aspek penyampaian kerja yang dilakukan mengikut jadual dan memelihara kualitinya.

- Mengkaji kesan sosial dan ekonomi hasil pelaksanaan projek RMK-9.

Ketiga-tiga elemen itu ditegaskan oleh Abdullah ketika menyampaikan amanat semasa mempengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-100 di Putrajaya, hari ini.

Menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, Abdullah turut mengingatkan semua negeri agar sentiasa memastikan semua projek RMK-9 berjalan seperti mana dirancangan.

"Bagi kerajaan Selangor, kita sudah bersedia sedia melalui Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk menggerakkan projek yang telah diluluskan di bawah RMK-9," katanya pada sidang akhbar perasmian pusat membeli-belah Jaya Jusco Seri Kembangan di sini.

Menurut Mohamad Khir, Selangor juga akan memastikan tiada kelewatan dalam proses permohonan tanah bagi menjalankan projek-projek pembangunan.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim ketika dihubungi menjelaskan, dalam mesyuarat yang diadakan setiap tiga bulan itu, Abdullah mengingatkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengenai sistem pentadbiran negeri.

"Beliau mahu sebarang kekurangan dikaji semula dan projek-projek harus diteruskan supaya tidak ada yang terbengkalai selain ditingkatkan pelaksanaannya.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi memotong pulut kuning sempena sambutan ke-100 Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri di Putrajaya, semalam.

**PM mahu sebarang kekurangan dikaji semula dan projek-projek harus diteruskan supaya tidak ada yang terbengkalai selain ditingkatkan pelaksanaannya**

"Selain itu, mesyuarat hari ini turut mengemukakan kertas-kertas projek dan polisi-polisi baru Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan kelulusan kerajaan negeri dan sesetengahnya sebagai makluman," katanya.

Kata beliau: "Selain tiga elemen yang perlu diberi perhatian dalam kelancaran pelaksanaan projek kerajaan, turut dibincangkan ialah mengenai kempen memba-

ca, mesra pelancong terutama oleh pegawai imigresen dan kastam serta pentingnya menitikberatkan kebersihan terutama untuk meningkatkan sektor pelancongan."

Mengenai kelulusan tanah untuk mengadakan projek, Shahidan memberitahu, Perlis tidak menghadapi masalah.

"Bagi kami, kelulusan hanya memakan masa dua bulan sahaja. Malah, kerajaan

**SHAHIDAN KASSIM**  
Menteri Besar Perlis

negeri memberi tanah percuma kepada sesiapa yang berminat untuk membina hotel di Perlis.

"Bagi tanah persendirian pula, kelulusan itu akan dimudah cara supaya tidak berlaku kelewatan dalam melaksanakan projek," katanya.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan pula memberitahu, Abdullah juga mahu Menteri Besar dan Ketua Menteri menjadi ketua pelaksana yang bertanggungjawab memastikan projek kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan berjalan dengan baik.

Katanya, kerajaan negeri mengambil serius segala amanat itu, khususnya perkara berkaitan proses pengambilan tanah.